

**PENGARUH PENGAJARAN GURU DAN SIKAP AKADEMIK
PELAJAR TERHADAP PENGUASAAN KBAT
BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH**

TIKA BINTI ALI ASHMAD



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2018**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH PENGAJARAN GURU DAN SIKAP AKADEMIK PELAJAR TERHADAP PENGUASAAN KBAT BAGI MATA PELAJARAN SEJARAH**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

Saya **TIKA BINTI ALI ASHMAD**, Sesi Pengajian **2016-2018**, mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

☐

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒


TIDAK TERHAD


TIKA BINTI ALI ASHMAD

Disahkan oleh,


NORULAIN BINTI ISMAIL
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 15 Ogos 2018


(Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Bin Taat)
Penyelia

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Ogos 2018


.....
Tika Binti Ali Ashmad
MP1621011T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **TIKA BINTI ALI ASHMAD**

NO. MATRIK : **MP1511547T**

TAJUK : **PENGARUH PENGAJARAN GURU DAN SIKAP AKADEMIK
PELAJAR TERHADAP PENGUASAAN KBAT BAGI MATA
PELAJARAN SEJARAH**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

TARIKH VIVA : **19 JULAI 2018**



DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA

Tandatangan

Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Bin Taat


Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Taat
Profesor Madya
Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah

PENGHARGAAN

"Syukur kehadiran ilahi kerana dengan kasih dan sayangNya serta memanjangkan usia dan memberikan kemudahan dalam apa jua urusan demi memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat" selawat serta salam buat rasul junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Prof. Madya Dr. Muhammad Suhaimi Bin Taat, penyelia yang sangat baik dan sentiasa memberikan tunjuk ajar dengan penuh kesabaran dan membimbing serta memberikan yang terbaik dalam apa jua hal yang berkaitan dengan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, jasamu akan sentiasa dikenang sepanjang hayat. Semoga mendapat kejayaan di dunia dan akhirat, diberikan kesihatan serta dipermudahkan segala urusan untuk Dr. dan keluarga.

Tidak lupa juga buat *Dr. Roslee Bin Talip* yang sentiasa mempermudahkan segala urusan serta sentiasa menyokong kajian ini. Terima kasih, jasamu akan sentiasa dikenang.

Buat ibu dan ayah yang tercinta dan tersayang, *Masmah Binti Hj. Karim dan Ali Ashmad Bin Hj. Burajak* setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih doa, jasa dan pengorbananmu menjadi sumber inspirasiku. Semoga diberikan kesihatan dalam keimanan, kekayaan anak yang solehah serta mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

Buat suami tercinta *Mohd Shahudin Bin Karim*, terima kasih atas segala pengorbanan, membahagiakan, sudi meluangkan masa, kesetiaan dan menyokong dalam apa jua hal sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Semoga ikatan keluarga kita berkekalan sehingga ke jannah atas dasar keimanan dan cinta kerana Allah menurut ajaran Rasulullah S.A.W. Semoga segala urusan suamiku dipermudahkan, dimurahkan rezeki yang halal dan sentiasa mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Buat anakku, *Nur Shahdreena Binti Mohd Shahudin* atau dikenali sebagai *baby of Haura* (5.5.2018). Kehadiranmu menjadi kebahagiaan dan hadiah teristimewa dari Allah. Semoga menjadi anak yang solehah penyejuk hati ibu dan abah. Ibu dan abah sayang Haura.

Buat kakak yang tersayang, *Ika Binti Ali Ashmad* segala sokongan dan dorongan menjadi sumber kekuatanku. Terima kasih yang tidak terhingga. Kenangan membesar bersama-sama sebagai adik beradik merupakan kenangan yang terindah. Semoga kita menjadi adik beradik yang sentiasa diredhai Allah dan kedua ibu bapa kita.

Buat datuk yang tersayang, *Hj. Karim Bin Jaruddin* terima kasih. Semoga diberikan kesihatan dalam keberkatan. Jasamu setiasa dikenang sepanjang hayat. Buat makcik dan pakcik yang tersayang, Pn. Rustinah, Pn. Suhana, En. Wira, En. Japli, En. Mahmud, En. Kifli, En. Moktar, En. Jusli, En. Mahadi dan En Atizan.

Buat ibu dan bapa mertua (Hj Karim Bin Wang dan Rajimah Binti Hj. Mutai) serta kakak, abang dan adik ipar.

Buat sahabat seperjuangan *Sabaniah Binti Batling*. Semoga persahabatan kita kekal hingga ke jannah. Terima kasih di atas sokongan yang tidak terhingga kepada semua pihak. Didoakan semoga kita semua dimurahkan rezeki serta mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Jutaan terima kasih juga buat semua pihak yang terlibat.

Tika Binti Ali Ashmad
15 Ogos 2018



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pengaruh pengajaran guru dan sikap akademik berkenaan dengan penguasaan pelajar terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Sejarah. Seramai 200 (97 pelajar lelaki dan 103 pelajar perempuan) di empat buah sekolah kawasan luar bandar (bahagian daerah Pedalaman Barat Sabah) telah dipilih iaitu SMK Pengiran Omar (Sipitang), SMK Weston (Weston), SMK Beaufort (Beaufort) dan SMK Kuala Penyu (Kuala Penyu). Hasil kajian mendapati, pelajar lelaki dan perempuan mempunyai persepsi min tahap tinggi terhadap pengajaran guru (min=3.88 pelajar lelaki, min=3.99 pelajar perempuan). Manakala, kedua-dua aliran (Aliran Sains dan Kemanusiaan) tersebut mempunyai sikap yang sama terhadap KBAT (min=3.88 aliran Sains, min=3.85 aliran Kemanusiaan). Analisis Korelasi menunjukkan guru dan pelajar saling bekerjasama dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan KBAT. Hasil penelitian berdasarkan kepada analisis regresi menunjukkan bahawa variable sikap akademik dan pengajaran guru mempunyai pengaruh dan signifikan terhadap KBAT pelajar. Hal ini menunjukkan, pengajaran guru mampu mengalakkan pembelajaran berpusatkan pelajar. Oleh itu, dirumuskan bahawa pengaruh pengajaran guru dan sikap akademik pelajar terhadap KBAT di kawasan luar bandar Sabah ini mampu membawa kepada perubahan dalam sistem pendidikan negara dari segi aras pemikiran pelajar dalam menghadapi pendidikan abad ke-21.




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

INFLUENCE OF TEACHER'S TEACHING AND STUDENT'S ACADEMIC ATTITUDE WITH RESPECT TO THE STUDENT'S MASTERY OF THE HIGHER ORDER THINKING SKILLS (HOTS) IN HISTORY SUBJECT

This study was conducted to examine the influence of teacher's teaching and student's academic attitude with respect to the student's mastery of the Higher Order Thinking Skills (HOTS) in History subject. A total of 200 (97 male students, 103 female students) in four rural schools (districts in Western Interior of Sabah) were selected, namely SMK Pengiran Omar (Sipitang), SMK Weston (Weston), SMK Beaufort (Beaufort) and SMK Kuala Penyu (Kuala Penyu). The results showed that male and female students had a mean perception higher level of teacher's teaching (mean = 3.88 male students, mean = 3.99 female students). Meanwhile, both streams (Science and Humanities) have the same attitude towards HOTS (mean = 3.88 Science stream, mean = 3.85 Humanities stream). The correlation analysis showed that teachers and students were cooperative in resolving issues related to HOTS. A detailed outcome based on the regression analysis showed that, academic attitude variables and teacher's teaching do have influence and are significant to HOTS among students. This shows, teacher's teaching is able to encourage student-centered learning. Therefore, it is concluded that the influence of teacher's teaching and students' academic attitudes towards HOTS in rural areas of Sabah are capable in leading to positive changes towards our national education system in terms of students' level of thinking in facing the 21st century education.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|------------------------------|---------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | vi |
| <i>ABSTRACT</i> | vii |
| SENARAI KANDUNGAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xiii |
| SENARAI RAJAH | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| BAB 1: PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Penyataan Masalah Kajian | 8 |
| 1.4 Objektif Kajian | 10 |
| 1.5 Soalan Kajian | 11 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 11 |
| 1.7 Limitasi Kajian | 12 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 13 |
| 1.8.1 Pelajar | 13 |
| 1.8.2 Guru | 13 |
| 1.8.3 Pihak Sekolah | 14 |

| | | |
|-------------------------------------|---|----|
| 1.8.4 | Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) | 14 |
| 1.8.5 | Penyelidik Lain | 14 |
| 1.9 | Definisi Operasional Kajian | 15 |
| 1.9.1 | Pengajaran Guru | 15 |
| 1.9.2 | Sikap Akademik Pelajar | 16 |
| 1.9.3 | Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) | 17 |
| 1.10 | Kesimpulan | 18 |
| BAB 2: SOROTAN LITERATUR | | |
| 2.1 | Pengenalan | 20 |
| 2.2 | Definisi Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) | 21 |
| 2.2.1 | Kemahiran Mengaplikasi | 26 |
| 2.2.2 | Kemahiran Menganalisis | 27 |
| 2.2.3 | Kemahiran Menilai | 27 |
| 2.2.4 | Kemahiran Mencipta | 28 |
| 2.2.5 | Kajian Literatur KBAT | 29 |
| 2.3 | Definisi Konsep Pengajaran Guru | 35 |
| 2.3.1 | Kaedah Pengajaran Guru | 41 |
| 2.3.2 | Teknik Penyoalan | 44 |
| 2.3.3 | Komunikasi Guru Dengan Pelajar Dalam Bilik Darjah | 46 |
| 2.3.4 | Kajian Literatur Pengajaran Guru | 49 |
| 2.4 | Definisi Konsep Sikap Akademik Pelajar | 56 |
| 2.4.1 | Komponen Kognitif | 61 |
| 2.4.2 | Komponen Afektif | 62 |
| 2.4.3 | Komponen Tingkah Laku | 63 |

| | | |
|-------------------------------------|---|-----|
| 2.4.1 | Kajian Literatur Sikap Akademik Pelajar | 64 |
| 2.5 | Teori dan Model Pengajaran dan Pembelajaran | 69 |
| 2.5.1 | Teori Tingkah Laku Terancang | 69 |
| 2.5.2 | Teori Pembelajaran Kognitif | 71 |
| 2.5.3 | Teori Kurt Lewin Field (1935) | 72 |
| 2.5.4 | Teori Sosial Konstruktivisme | 76 |
| 2.5.5 | Teori Behaviourisme | 77 |
| 2.5.6 | Teori Humansime | 79 |
| 2.5.7 | Model Sikap ABC (<i>Affective-Behavioral-Cognitive</i>) | 81 |
| 2.5.8 | Taksanomi Bloom | 83 |
| 2.5.9 | Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham | 86 |
| 2.5.10 | Model Pembelajaran Latihan Inkuiri | 88 |
| 2.5.11 | Model Pengajaran Glaser | 90 |
| 2.5.12 | Model Pengajaran Sim (<i>Strategic Instructional Model</i>) | 92 |
| 2.6 | Kerangka Konseptual Kajian | 94 |
| 2.7 | Kesimpulan | 95 |
| BAB 3: METODOLOGI KAJIAN | | |
| 3.1 | Pengenalan | 97 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 98 |
| 3.3 | Lokasi Kajian | 98 |
| 3.4 | Populasi dan Pensampelan | 99 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 106 |
| 3.5.1 | Pengajaran Guru Instrumen | 109 |
| 3.5.2 | Instrumen Sikap Akademik Pelajar | 110 |

| | | |
|---------------|---|-----|
| 3.5.3 | Instrumen Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) | 112 |
| 3.6 | Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian | 115 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 117 |
| 3.7.2 | Kesahan Konstruk dan Kebolehpercayaan <i>Alfa Cronbach</i> Pembolehubah Sikap Akademik Pelajar | 117 |
| 3.7.3 | Kesahan Konstruk dan Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Pembolehubah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) | 120 |
| 3.8 | Pembahagian Instrumen Soal Selidik | 122 |
| 3.9 | Prosedur Pengumpulan Data | 123 |
| 3.10 | Analisis Data | 126 |
| 3.11 | Kesimpulan | 129 |
| BAB 4: | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 130 |
| 4.2 | Analisis Diskriptif | 131 |
| 4.3 | Nilai Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Pembolehubah | 132 |
| 4.4 | Ujian Normaliti | 133 |
| 4.5 | Ujian-t | 134 |
| 4.6 | Analisis Korelasi | 136 |
| 4.6.1 | Analisis Hubungan Antara Pengajaran Guru Dengan KBAT | 136 |
| 4.6.2 | Analisis Hubungan Antara Sikap Akademik Pelajar Dengan KBAT | 137 |
| 4.7 | Analisis Regresi | 138 |
| 4.7.1 | Analisis Pengaruh Sikap Akademik dan Pengajaran Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pelajar | 138 |

| | | |
|-----|------------|-----|
| 4.8 | Kesimpulan | 141 |
|-----|------------|-----|

BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

| | | |
|-----|------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 142 |
|-----|------------|-----|

| | | |
|-----|---------------------------|-----|
| 5.2 | Perbincangan Hasil Kajian | 142 |
|-----|---------------------------|-----|

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.2.1 | Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Guru dan Sikap Akademik Pelajar | 143 |
|-------|--|-----|

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.2.2 | Perbezaan Skor Min Pelajar Terhadap Pengajaran Guru Berdasarkan Jantina | 145 |
|-------|---|-----|

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.2.3 | Perbezaan Sikap Akademik Pelajar Berdasarkan Aliran | 146 |
|-------|---|-----|

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.2.4 | Hubungan Antara Pengajaran Guru Dengan KBAT | 147 |
|-------|---|-----|

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.2.5 | Hubungan Antara Sikap Akademik Pelajar Dengan KBAT | 149 |
|-------|--|-----|

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.2.6 | Pengaruh Pengajaran Guru dan Sikap Akademik Terhadap Penguasaan KBAT | 150 |
|-------|--|-----|

| | | |
|-----|------------------|--|
| 5.3 | Implikasi Kajian | |
|-----|------------------|--|

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.3.1 | Implikasi Terhadap Model dan Teori Pembelajaran | 152 |
|-------|---|-----|

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.3.2 | Implikasi Terhadap Pelajar, Guru, Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) | 157 |
|-------|--|-----|

| | | |
|-------|------------------------------------|-----|
| 5.3.3 | Implikasi Terhadap Penyelidik Lain | 158 |
|-------|------------------------------------|-----|

| | | |
|-----|--------------------------|-----|
| 5.4 | Cadangan Kajian Lanjutan | 159 |
|-----|--------------------------|-----|

| | | |
|-----|----------------|-----|
| 5.5 | Rumusan Kajian | 160 |
|-----|----------------|-----|

| | | |
|-----|---------|-----|
| 5.6 | Penutup | 161 |
|-----|---------|-----|

| | | |
|----------------|--|-----|
| RUJUKAN | | 163 |
|----------------|--|-----|

| | | |
|-----------------|--|-----|
| LAMPIRAN | | 190 |
|-----------------|--|-----|

SENARAI JADUAL

| | | Halaman |
|-------------|---|---------|
| Jadual 1.1 | : Calon mendapat keputusan cemerlang dalam semua subjek | 4 |
| Jadual 1.2 | : Skor pemarkahan SPM | 5 |
| Jadual 1.3 | : Pencapaian SPM bagi mata pelajaran Sejarah di Negeri Sabah pada tahun 2013 sehingga 2016 | 9 |
| Jadual 2.1 | : Kognitif Domain dalam Taksanomi Bloom | 84 |
| Jadual 3.1 | : Gred Purata Nasional bandar dan luar bandar | 100 |
| Jadual 3.2 | : Maklumat kawasan kajian | 101 |
| Jadual 3.3 | : Penentuan saiz sampel Krecjie dan Morgan (1970) | 105 |
| Jadual 3.4 | : Pembahagian item bahagian mengikut demografi pelajar | 107 |
| Jadual 3.5 | : Pembahagian item kajian berdasarkan hipotesis kajian borang soal selidik | 108 |
| Jadual 3.6 | : Skala Likert 5 Mata | 108 |
| Jadual 3.7 | : Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan (Alfa Cronbach) | 116 |
| Jadual 3.8 | : Bacaan KMO dan Ujian Bartlett's bagi pembolehubah pengajaran guru | 118 |
| Jadual 3.9 | : Nilai Kebolehperayaan Alfa Cronbach pengajaran guru | 119 |
| Jadual 3.10 | : Bacaan KMO dan Ujian Bartlett's bagi pembolehubah sikap akademik pelajar | 119 |
| Jadual 3.11 | : Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach sikap akademik pelajar | 120 |
| Jadual 3.12 | : Bacaan KMO dan Ujian Bartlett's bagi Pembolehubah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar | 121 |

| | | | |
|-------------|---|---|-----|
| Jadual 3.13 | : | Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach KBAT pelajar | 121 |
| Jadual 3.14 | : | Item yang dinilai berdasarkan definisi konsep borang soal selidik | 123 |
| Jadual 3.15 | : | Kekuatan nilai pekali korelasi | 127 |
| Jadual 3.16 | : | Teknik statistik analisis data kajian | 128 |
| Jadual 4.1 | : | Maklumat demografi responden berdasarkan kepada jantina | 131 |
| Jadual 4.2 | : | Maklumat demografi pelajar berdasarkan kepada jenis aliran | 131 |
| Jadual 4.3 | : | Taburan interpretasi skor min mengikut tahap | 132 |
| Jadual 4.4 | : | Ujian Skor dan Sisihan Piawai bagi setiap pembolehubah | 133 |
| Jadual 4.5 | : | Ujian Normaliti sikap akademik pelajar | 134 |
| Jadual 4.6 | : | Ujian Normaliti pengajaran guru | 134 |
| Jadual 4.7 | : | Ujian Normaliti KBAT | 134 |
| Jadual 4.8 | : | Statistik Ujian-t berdasarkan jantina | 135 |
| Jadual 4.9 | : | Statistik Ujian-t sikap akademik pelajar berdasarkan aliran | 136 |
| Jadual 4.10 | : | Ujian Korelasi Pearson antara pengajaran guru dengan KBAT | 137 |
| Jadual 4.11 | : | Ujian Korelasi Pearson ke atas sikap akademik dengan KBAT | 138 |
| Jadual 4.12 | : | Keputusan Analisis Regresi bagi pengajaran guru dan sikap akademik pelajar terhadap penguasaan KBAT pelajar | 139 |
| Jadual 4.13 | : | Keputusan Analisis Koefisien | 139 |
| Jadual 4.14 | : | Rumusan analisis secara keseluruhan | 140 |

SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|---|---------|
| Rajah 2.1 : Enam aras soalan berdasarkan kepada Domain Kognitif Bloom (1956) | 44 |
| Rajah 2.2 : Teori Tingkah Laku Terancang | 70 |
| Rajah 2.3 : Model Sikap ABC | 81 |
| Rajah 2.4 : Model Konstruktivise Lima Fasa Needham | 86 |
| Rajah 2.5 : Tahap Model Pembelajaran Latihan Inkuiri | 89 |
| Rajah 2.6 : Model Pengajaran Glaser | 91 |
| Rajah 2.7 : Pengaruh pengajaran guru dan sikap akademik pelajar terhadap penguasaan KBAT pelajar dalam mata pelajaran Sejarah tingkatan empat | 95 |
| Rajah 3.1 : Kaedah pensampelan kajian | 106 |
| Rajah 3.2 : Prosedur pengumpulan data | 125 |

SENARAI LAMPIRAN

| | | Halaman |
|------------|---|---------|
| Lampiran A | Scree Plot | 190 |
| Lampiran B | Kesahan Konstruk Pengajaran Guru | 193 |
| Lampiran C | Kesahan Konstruk Sikap Akademik Pelajar | 195 |
| Lampiran D | Kesahan Konstruk KBAT | 197 |
| Lampiran E | Surat Pengesahan Pelajar | 199 |
| Lampiran F | Surat Kelulusan Kajian KPM | 200 |
| Lampiran G | Kesahan Muka | 201 |
| Lampiran H | Borang Soal selidik | 201 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang penting dan wajib lulus dalam sistem pendidikan negara ini. Tambahan lagi, keputusan Kerajaan Malaysia menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus pada peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) bermula tahun 2013 mendapat reaksi yang positif daripada semua pihak (Shakila, 2010). Hal ini demikian, pendidikan Sejarah mampu memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Mohd. Samsudin dan Shahizan (2012) berpendapat, pendidikan Sejarah menjadi salah satu medium penting dalam pembinaan sesebuah negara bangsa dan pembentukan modal insan.

Sehubungan itu, kepentingan Sejarah itu sendiri telah menjadi keutamaan kepada kerajaan di negara ini. Terdapat beberapa perkara yang memainkan peranan penting dalam menentukan hasil pendidikan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia telah menekankan kaedah penyampaian, kandungan buku teks, pedagogi, penggunaan sumber, kemahiran guru dan sikap pelajar sendiri menerusi pembangunan daya pemikiran pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2002). Oleh itu, kesemua penekanan perkara-perkara penting ini dianggap sebagai tunjang kepada pengajaran Sejarah.

Di samping, pembangunan daya pemikiran dapat melonjakkan lagi minat pelajar untuk belajar dalam mata pelajaran Sejarah. Oleh hal demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), menekankan aspek penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menarik perhatian pelajar seterusnya meningkatkan pemahaman pelajar. Hal ini demikian, pembangunan daya pemikiran pelajar secara tidak langsung dapat membina pembangunan modal insan bertaraf antarabangsa.

Pernyataan ini disokong oleh Kementerian Penerangan Malaysia (2015) apabila menyatakan pelajar yang memiliki kemahiran, berfikir yang tinggi mampu menyediakan modal insan bertaraf dunia pada masa hadapan.

Hal ini demikian, pembangunan KBAT berdasarkan kepada empat elemen (kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta) dalam subjek Sejarah mampu meningkatkan lagi proses berfikir pelajar dengan syarat melibatkan penglibatan guru dan pelajar. Contohnya, pengajaran dan pembelajaran (PdP) berpusatkan pelajar atas bimbingan guru. Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menegaskan, minat pelajar dalam mempelajari apa jua mata pelajaran dapat ditingkatkan melalui pendekatan KBAT seperti pembelajaran berpusatkan pelajar yang melibatkan guru dengan pelajar dalam mengubah sikap akademik pelajar terhadap KBAT dalam mata pelajaran Sejarah.

Sehubungan dengan itu, penglibatan pelajar dan pengajaran guru dengan penerapan elemen KBAT ini mampu meningkatkan lagi minat pelajar disebabkan perubahan sikap pelajar terhadap KBAT dan pengajaran guru dalam penerapan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah. Pendapat ini disokong oleh Zuriawahida (2016) menyatakan, matlamat utama penerapan KBAT dengan elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dengan melibatkan pelajar dan guru adalah bagi membangunkan kemahiran berfikir pelajar, seterusnya dapat membentuk sikap positif pelajar terhadap sesuatu pembelajaran.

Tambahan pula, kelebihan penerapan KBAT dalam mata pelajaran Sejarah seperti, pelajar bebas memberikan idea, berkongsi pendapat, berbincang dan mengemukakan pandangan dengan rakan lain. Keadaan ini memberikan suasana di dalam kelas aktif. Lembaga Peperiksaan Malaysia (2014), menekankan aspek ini dalam pembangunan daya fikir pelajar bagi menjadikan pelajar produktif, aktif di dalam PdP dan mempunyai sikap akademik yang positif terhadap mata pelajaran yang diajarkan oleh guru. Aminuddin (2013) juga berpendapat, sikap positif pelajar terhadap sesuatu pembelajaran dapat dibentuk dengan menerapkan elemen KBAT dalam PDP kepada semua pelajar.

Oleh itu, melalui penerapan elemen KBAT, diharap pelajar dapat mengubah persepsi mereka terhadap mata pelajaran Sejarah. Hal ini demikian, pendidikan Sejarah merupakan salah satu mata pelajaran yang mampu menyumbangkan kesedaran tentang pentingnya mempunyai semangat patriotisme terhadap negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Sejarah menjadi salah satu cabaran dalam menyampaikan mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah. Perkembangan cabaran ini menunjukkan mata pelajaran ini perlu diberikan perhatian secara serius. Tambahan pula, lebih menyedihkan lagi apabila wujud persepsi sikap negatif dalam kalangan pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Clark (2008) mendapati, pelajar menganggap mata pelajaran Sejarah membosankan dan berulang. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana golongan muda semakin kurang pengetahuan tentang sejarah negara. Pernyataan ini disokong oleh (Norrizan 2003) menyatakan, pendidikan sejarah masih kurang memberikan kesan sikap positif kepada golongan muda dalam ilmu mahupun penerapan nilai-nilai kewarganegaraan.

Sehubungan itu, dalam mengubah sikap akademik pelajar yang positif, Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius mengenai perkara ini dengan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Hal ini bertujuan untuk menaikkan kepentingan mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, pelbagai usaha kerajaan untuk sentiasa menggunakan idea dan minda supaya pelajar terlibat secara langsung dalam pembelajaran secara aktif di kelas. Oleh hal demikian, pengenalan KBAT telah di perkenalkan dalam SPM iaitu, sebanyak 75 peratus dalam mata pelajaran Sejarah menjadi salah satu cara meningkatkan kepentingan mata pelajaran teras dan kemahiran berfikir (LPM 2014). Penggunaan unsur-unsur KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) ini diharapkan mampu menjana perkembangan pemikiran kreatif dan kritis pelajar.

Hal ini demikian, sikap akademik pelajar yang negatif adalah disebabkan, pelajar-pelajar kurang berkebolehan untuk berfikir secara kreatif (Nur Wahida, 2013). Oleh itu, pengenalan KBAT bermula tahun 2013 dapat memberikan cetusan idea kepada pelajar-pelajar (Mohd. Syukri, 2016). Walau bagaimanapun,

keupayaan untuk berfikir pada aras yang lebih tinggi masih menjadi cabaran dalam kalangan pelajar dan guru. Thompson (2008), mendapati guru dan pelajar masih menganggap penerapan KBAT sebagai salah satu kemahiran yang mencabar guru dan pelajar. Di samping, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) masih mendapati pembelajaran di sekolah masih kurang menerapkan unsur KBAT. Pendapat ini disokong oleh Chew (2017) menyatakan bahawa pelajar memiliki pengetahuan tetapi tidak mengaplikasikan pengetahuan ke atas mata pelajaran yang dipelajari. Hal ini disebabkan penerapan unsur KBAT ini masih kurang diketengahkan di sekolah.

Berikutan hal demikian, bermula penerapan KBAT sebanyak 75 peratus dalam SPM berlaku penurunan prestasi cemerlang dalam setiap mata pelajaran (KPM, 2017). Penurunan ini juga melibatkan mata pelajaran Sejarah (Mahdzir, 2017). Manakala, Khair (2017) menyatakan, dua perkara menjadi fokus untuk melonjakkan keputusan SPM yang menerapkan KBAT ini ialah menekankan pengajaran guru dan sikap pelajar itu sendiri. Berikut merupakan jadual analisis keputusan cemerlang semua subjek dalam SPM dan skor pemarkahan cemerlang dalam SPM:

Jadual 1.1: Calon mendapat keputusan cemerlang dalam semua subjek

| Perkara | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Jumlah calon mendapat keputusan cemerlang | 13, 970 | 11, 289 | 9, 721 | 8, 647 |
| Gred Purata Nasional (GPN) | 4.93 | 5.08 | 5.15 | 5.10 |

Sumber: Khair (2017)

Jadual 1.2: Skor pemarkahan SPM

| Markah | Gred | Catatan |
|----------|------|---------------------|
| 90%-100% | A+ | Cemerlang Tertinggi |
| 80%-89% | A | Cemerlang Tinggi |
| 70%-79% | A- | Cemerlang |
| 65%-69% | B+ | Kepujian Tertinggi |
| 60%-64% | B | Kepujian Tinggi |
| 55%-59% | C+ | Kepujian Atas |
| 50%-54% | C | Kepujian |
| 45%-49% | D | Lulus Atas |
| 40%-44% | F | Lulus |
| 0-39% | G | Gagal |
| - | TH | Tidak Hadir |

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2017)

Berdasarkan kepada Jadual 1.1, penurunan jumlah pelajar cemerlang iaitu, bermula markah calon 70% dan ke atas dalam semua subjek berlaku penurunan tahun ke tahun iaitu, bermula pada tahun 2013 yang mencatatkan keputusan SPM adalah sebanyak 13, 970 orang calon yang mendapat markah cemerlang namun, berlaku penurunan sebanyak 2, 681 pada tahun 2014 menjadi 11, 289 calon cemerlang manakala, pada tahun 2015, berlaku penurunan sebanyak 1,568 berbanding tahun 2014 menjadi 9, 721 orang calon. Kemudian, pada tahun 2016 hanya 8, 647 orang calon sahaja layak mendapat keputusan cemerlang iaitu, perbezaan sebanyak 1, 074 berbanding tahun sebelumnya.

Seterusnya, penurunan jumlah pelajar cemerlang dalam SPM ini mempengaruhi nilai bacaan Gred Purata Nasional (GPN) yang semakin mengecil menunjukkan prestasi baik. Walau bagaimanapun, perbezaan GPN antara tahun 2014 dan 2013 menunjukkan prestasi yang membimbangkan iaitu, 4.93 pada tahun 2013 dan meningkat sebanyak 0.15 menjadi 5.08 pada tahun 2014. Peningkatan yang membimbangkan ini berterusan sehingga tahun 2015 iaitu, meningkat sebanyak 0.07 menjadi 5.15 nilai GPN pada tahun 2015. Namun, penurunan GPN hanya menurun sebanyak 0.05 pada tahun 2016.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia berharap agar penerapan unsur KBAT dengan elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam mata pelajaran teras dalam SPM ini mampu melonjakkan lagi daya pemikiran pelajar memandangkan laporan OECD (*Organisation for Economic Co-operation and Development*) (2014), menyatakan negara Malaysia masih berada pada kedudukan ke 39 daripada 44 buah negara pada tahun 2012 dalam kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh hal demikian, Malini dan Sarjit (2014) mencadangkan masalah terhadap elemen KBAT perlulah dikaji bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap elemen ini.

Di samping, keberkesanan pengajaran guru menjadi tunjang kepada penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sejarah. Hal ini demikian, penerapan KBAT mampu mewujudkan pembelajaran secara aktif yang menumpukan kepada pelajar. Seterusnya, membentuk keberkesanan pembelajaran yang menyeronokkan. Manakala, persepsi pelajar juga mampu mendorong kepada perkembangan kognitif pelajar dalam pendidikan Sejarah. Saranan ini disokong oleh, Wenglinsky (2013) yang berpendapat, pengajaran guru dan persepsi positif sikap akademik pelajar dapat melonjakkan lagi KBAT dalam kalangan pelajar.

Hal ini demikian, pengajaran guru menjadi salah satu asas kepada pembentukan pelajar dalam meningkatkan daya pemikiran dan kemahiran berfikir pelajar. Pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini menjadi medium pembentukan daya pemikiran pelajar, pembelajaran aktif seterusnya membentuk kemahiran berfikir pelajar pada aras yang tinggi. Namun, timbul masalah dimana pelajar tidak berminat terhadap penerapan KBAT semasa guru mengajar di dalam KBAT. Cabaran ini dinyatakan oleh Khatijah dan Tengku Norhayati (2011) yang mendapati, pendekatan pengajaran guru menjadi salah satu penyumbang kepada pembentukan kemahiran berfikir pelajar.

Oleh itu, Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2016) menyarankan, pengajaran guru dalam perspektif pelajar seperti kaedah pengajaran guru, komunikasi dan teknik penyoalan guru terhadap pelajar perlu dikaji lagi oleh penyelidik lain. Hal ini demikian, pengajaran guru menjadi salah satu penentu dalam mengalakkan kemahiran berfikir pelajar pada aras yang lebih tinggi. Silver

(2012), juga mencadangkan agar kajian terhadap pengajaran guru dari perspektif pelajar mengikut jantina dan aliran perlu dikaji memandangkan pelajar merupakan salah satu penentu kepada amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Pendapat ini disokong oleh, Muhammad Faizal dan Julie (2014) mendapati, harapan pelajar terhadap guru mereka adalah agar guru mereka dapat menggunakan teknik penyoalan, kaedah pengajaran dan komunikasi antara guru dan pelajar yang dapat menarik mereka dalam menggunakan kemahiran berfikir dalam aras yang lebih tinggi. Seterusnya, membentuk sikap akademik pelajar yang positif dalam penglibatan pembelajaran yang aktif. Oleh itu, beliau juga mencadangkan agar kajian terhadap pengajaran guru perlu diperluaskan lagi dalam mengenalpasti keberkesanan pengajaran guru dari perspektif pelajar untuk melihat keberkesanan KBAT dalam sesuatu mata pelajaran.

Di samping, sikap akademik pelajar yang positif dapat melonjakkan lagi minat dan keseronokkan pelajar belajar dengan penerapan KBAT. Namun demikian, sikap akademik inilah menjadi salah satu penghalang kepada pelajar untuk menggunakan kemahiran berfikir mereka. Hal ini demikian, Noor Erma dan Leong (2014) berpendapat, sikap akademik pelajar yang negatif merupakan salah satu penghalang kepada kemerosotan mata pelajaran dengan penerapan unsur-unsur KBAT. Oleh hal demikian sikap akademik pelajar yang mengandungi komponen afektif, kognitif dan tingkah laku perlu dijana dalam mengabungjalin kemahiran berfikir pelajar.

Di samping, pelaksanaan elemen KBAT perlu dilihat memandangkan masih wujud perbezaan kemahiran berfikir dan sikap akademik dari segi jantina dan aliran. Hal ini demikian, Chew dan Shashipriya (2014), mendapati pelajar perempuan mempunyai sikap akademik yang lebih positif berbanding pelajar lelaki serta aliran Sains dan Kemanusiaan mempunyai jurang dari segi kemahiran berfikir mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa, bahawa aspek jantina dan aliran juga mempengaruhi sikap akademik dan kemahiran berfikir pelajar.